



**EKSPERIMENTASI JALINAN HASIL PEMBAKARAN BAHAN
ALTERNATIF PADA PERMUKAAN SERAMIK**

Nor Aisyah Binti Che Mustapha

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2017**

Eksperimentasi Jalinan Hasil Pembakaran Bahan Alternatif Pada Permukaan Seramik

NOR AISYAH BINTI CHE MUSTAPHA

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
|2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 19 day of 6 2017.

Student's Declaration:

I, NOR AISYAH BT CHE MUSTAPHA (48014) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS here by declare that the work entitled *EKSPERIMENTASI JALINAN HASIL PEMBAKARAN BAHAN ALTERNATIF PADA PERMUKAAN SERAMIK* is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

19/6/2017

Date submitted



Nor Aisyah Bt Che Mustapha (48014)

Supervisor's Declaration:

I ENCIK AWANGKO' HAMDAN PGN ARSHAD hereby certifies that the work entitled *EKSPERIMENTASI JALINAN HASIL PEMBAKARAN BAHAN ALTERNATIF PADA PERMUKAAN SERAMIK* was prepared by the above named student, and was submitted to the FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED AND CREATIVE ARTS WITH HONOURS (FINE ART), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:
Encik Awangko' Hamdan Pgn Arshad

Date:

26/06/2017

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis


I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____


(19/6/2017)

Supervisor signature _____


(25/8/2017)

Current Address:

NO 172, BLOK 8,
FELDA KEMAHANG 1,
17500 TANAH MERAH,
KELANTAN

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

PENGESAHAN

Projek bertajuk **Eksperimentasi Jalinan Hasil Pembakaran Bahan Alternatif Pada Permukaan Seramik** telah disediakan oleh **Nor Aisyah binti Che Mustapha** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Encik Awangko' Hamdan Pgn. Arshad)

Tarikh:

20/06/2017

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim..

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaan-Nya kerana telah menganugerahkan kesihatan tubuh badan, nikmat masa dan tenaga kepada saya untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dekan FSGK, Prof. Dr. Wan Jamarul Imran Bin Wan Abdullah Thani dan semua kakitangan fakulti yang telah banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung. Seterusnya kepada pensyarah Seni Halus yang juga merupakan penyelia saya, En. Awangko' Hamdan Pangeran Arshad kerana dengan tunjuk ajar, nasihat serta bimbingan daripada beliau telah membuka ruang untuk saya menyiapkan tugas projek tahun akhir ini dengan suksesnya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya yang telah banyak memberi saya semangat, sokongan dan dorongan serta telah mendoakan kesejahteraan saya untuk saya menjayakan tugas ini.

Tidak dilupakan juga, ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada sahabat-sahabat yang telah banyak memberi pandangan dan bantuan semasa menjalankan kajian dan menyiapkan projek tahun akhir ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek tahun akhir ini, tanpa mereka saya tidak dapat menjalankan tugas ini dengan sempurna.

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Borang Pengesahan Status Laporan	i
Pengesahan Penyelia.....	ii
Pengesahan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Abstrak.....	vii
Abstract	viii

**1.0 EKSPERIMENTASI JALINAN HASIL PEMBAKARAN BAHAN ALTERNATIF
PADA PERMUKAAN SERAMIK**

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian.....	5
1.4 Persoalan Kajian.....	5
1.5 Objektif Kajian.....	5
1.6 Skop Kajian.....	6
1.7 Kepentingan Kajian.....	6
 2.0 KAJIAN LITERATUR	
2.0 Kajian Literatur.....	7
2.1 Karya dan Artis Rujukan.....	9
2.1.1 Analisa Karya Rujukan.....	9
2.1.2 Artis Rujukan : Gaya Persembahan	13
2.2 Kesimpulan daripada Rujukan Artis.....	14

3.0	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Metodologi Penyelidikan.....	15
3.1	Pengumpulan Data.....	15
3.1.1.	Bahan Pilihan	15
3.1.2	Bahan Rujukan	17
3.2	Eksperimentasi dan Pemerhatian	18
3.3	Fotografi dan Lakaran.....	22
4.0	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Hasil Dapatan Kajian	23
4.1	Carta Aliran dalam Penghasilan Karya	26
4.2	Lakaran Idea dan Bentuk	27
4.3	Proses Penghasilan	28
5.0	PENJELASAN KARYA	
5.0	Penjelasan Karya	30
6.0	KESIMPULAN	32
	RUJUKAN	33

Abstrak

Penyelidikan ini memberi fokus terhadap kajian kesan jalinan yang terhasil daripada pembakaran bahan alternatif yang mudah terbakar sebagai dekorasi pada permukaan seramik. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis bahan alternatif yang menghasilkan kesan jalinan selepas pembakaran oksidasi. Pengumpulan data dibuat menerusi kaedah ujikaji, pemerhatian hasil setiap sampel dan setiap jalinan yang terhasil. Dapatan kajian ini telah dizahirkan melalui konsep naratif dalam karya peribadi pengkaji. Adalah diharapkan agar kajian eksperimentasi hasil pembakaran alternatif ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pelajar atau penggiat seramik pada masa akan datang.

Abstract

This research investigates into the textural effects caused by the combustion of flammable alternative media as decorative element on the ceramic surface. The study aims to identify the types of alternative materials that initiated the textural effects on the ceramic surface after oxidation firing. The data collection was made by means of experimentation activities, observations of firing results, and documentation of each textural effect. The finding was manifested through the employment of narrative concept into the personal work creation. It is hoped that this research on alternative media firing experimentation will be utilized by the future ceramics students and ceramics enthusiast.

1.0 EKSPERIMENTASI JALINAN HASIL PEMBAKARAN BAHAN ALTERNATIF PADA PERMUKAAN SERAMIK

1.1 PENGENALAN

Penyelidikan yang dijalankan adalah untuk membuat eksperimentasi jalinan hasil daripada pembakaran bahan alternatif pada permukaan seramik. Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah antaranya, membuat rujukan daripada buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Melalui buku rujukan tersebut, maklumat diperolehi akan dirujuk semasa menjalankan kajian. Selain itu, pengkaji telah merujuk laman sesawang dari sumber yang sah untuk mendapatkan maklumat secara pantas. Seterusnya, pengkaji akan menjalankan analisis data untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dalam menjalankan kajian.

Melalui penyelidikan yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa unsur jalinan yang menjadi dekorasi pada permukaan seramik kebanyakannya dihasilkan daripada:

1. Kesan penggunaan *glaze*,
2. Kesan rekabentuk (lukisan, ukiran, tekapan, picitan, tebukan dan sebagainya),
3. Kesan bakaran daripada campuran bahan asing dalam jasad tanah liat
4. Kesan reaksi daripada pembakaran bahan mudah terbakar pada permukaan tanah liat.

Bagi tujuan ini, pengkaji akan menggunakan kaedah eksperimentasi melalui pembakaran untuk mendapatkan kesan jalinan yang menggunakan bahan alternatif. Bahan alternatif pilihan akan dikenalpasti melalui kesan visual jalinan menarik yang dihasilkan melalui siri eksperimentasi yang bakal dijalankan. Melalui maklumat umum daripada pembacaan

berkaitan kesan jalinan dan analisis visual pada karya rujukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua kaedah utama yang lazimnya menghasilkan kesan jalinan menarik selepas pembakaran iaitu:

- 1- Melalui campuran bahan alternatif dalam media tanah liat
- 2- Perletakan bahan alternatif pada permukaan media tanah liat

Kajian ini mempunyai objektif yang perlu dicapai iaitu yang paling utama ialah untuk mengenalpasti jenis bahan alternatif menghasilkan jalinan pada permukaan seramik. Objektif ini boleh dicapai melalui kajian metodologi yang dijalankan, antaranya kaedah kualitatif. Kaedah ini menekankan pendekatan yang berbentuk eksperimen dan pemerhatian terhadap bahan-bahan yang dipilih bagi menepati objektif yang ditetapkan. Pengumpulan data sekunder juga membantu pengkaji dalam mencapai objektif seterusnya membantu pengkaji dalam menghasilkan kajian ini. Kajian pemerhatian melibatkan rujukan terhadap contoh karya artis yang mengetengahkan kesan jalinan yang menggunakan bahan alternatif.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam penulisan ini, pengkaji telah mengkaji pelbagai kesan jalinan yang terhasil melalui pembakaran bahan alternatif. Kajian ini juga mengetengahkan hasil dapatan jalinan daripada eksperimentasi pembakaran media alternatif oleh artis-artis seramik pada permukaan karya mereka. Namun demikian, pengkaji mendapati setiap artis rujukan mempunyai pemilihan media dan teknik bakaran yang menarik serta berbeza.

Bagi tujuan pendefinisian, organik menurut kamus dewan membawa maksud bahan atau proses yang berkaitan dengan sumber haiwan atau tumbuh-tumbuhan. Bahan organik bukan bahan kimia yang mengandungi unsur karbon. Bahan organik yang dipilih oleh

pengkaji bagi tujuan eksperimen ini adalah terdiri daripada tumbuh-tumbuhan. Bahan-bahan ini boleh didapati dalam bentuk asal dan yang telah digunakan seperti sekam padi, hampas tebu, sabut kelapa, bijih benih jagung, dan hampas kelapa. Bahan-bahan ini dipilih atas faktor sebagai bahan yang mudah terbakar. Pengkaji memilih kaedah menguli bahan organik yang mudah terbakar bersama tanah liat untuk menjalankan eksperimen ini. Hal ini demikian kerana pengkaji lebih tertarik untuk mendapatkan kesan jalinan yang dramatik.

Definisi seni seramik pula merujuk kepada salah satu seni tertua di dunia. Pada masa kini, seni seramik telah mengalami revolusi baru yang berasaskan kreativiti. Menurut Savage dan Norman (1980) perkataan seramik berasal daripada perkataan Greek iaitu *keramos* yang membawa maksud tanah liat yang digunakan untuk membuat produk yang telah melalui proses pembakaran. Seramik adalah tanah liat yang mudah dibentuk dan kemudian dibakar pada suhu tertentu mengikut jenis tanah liat yang digunakan. Seramik adalah meliputi produk atau objek yang dihasilkan menggunakan medium utama iaitu tanah liat yang dibakar pada suhu 500 °C ke atas.

Seterusnya, jalinan merupakan fokus utama pengkaji untuk membuktikan hasil kajian yang dijalankan. Jalinan yang membawa maksud kesan yang terdapat pada permukaan sesuatu benda. Dalam unsur seni, terdapat dua jenis jalinan iaitu jalinan hasil daripada buatan manusia dan jalinan daripada ciptaan Tuhan. Dua jenis jalinan ini mempunyai kesan tampak yang berbeza dan mempunyai fungsi serta nilai tersendiri. Jalinan terbahagi kepada dua iaitu jalinan sentuh dan jalinan tampak. Jalinan sentuh adalah terdapat pada permukaan yang boleh dilihat dan dirasa melalui sentuhan manakala jalinan tampak pula merupakan satu jalinan yang hanya boleh dilihat tetapi tidak boleh dirasa melalui sentuhan. Jalinan juga mempunyai pelbagai fungsi antaranya, pengaliran air dan udara,

penyamaran, dekorasi dan menahan geseran. Pengkaji telah memilih untuk menghasilkan satu jalinan sentuh yang boleh dilihat dan dirasa dengan sentuhan. Jalinan yang dihasilkan merupakan dekorasi terhadap permukaan seramik.

Tanah liat merupakan bahan utama dalam penghasilan produk seramik. Selain air, tanah liat mengandungi dua bahan utama iaitu *silica* atau *aluminium*. Silika, oksigen dan alumina merupakan unsur mineral paling banyak terdapat pada lapisan kerak bumi. Tanah liat bersifat keras apabila kering dan akan melekit atau lembik apabila terkena air atau basah. Terdapat beberapa jenis tanah liat antaranya ialah *porcelain*, berwarna putih dan kekuningan sebelum melalui pembakaran. Kedua, tanah liat *earthenware* yang melalui suhu pembakaran paling rendah iaitu sekitar 900°C - 1000°C, tanah liat ini berwarna krim, kuning dan merah kecoklatan serta hitam. Ketiga ialah *stoneware*, kekuatan jasad stoneware adalah lebih kuat berbanding *earthenware*. Berwarna kelabu sebelum dibakar dan bertukar kepada kelabu keputihan apabila dibakar dan suhu pembakaran bagi jasad ini adalah 1250°C - 1300°C. *Grog* digunakan untuk menambahkan kekuatan tanah melalui “gigitan” (*bites*) untuk menghalang keretakan.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, permasalahan kajian yang dikenalpasti ialah eksperimentasi jalinan hasil pembakaran bahan alternatif sebagai dekorasi pada permukaan seramik. Menurut Standen (2013), bahan-bahan keras dan bahan yang mudah terbakar seperti batu, kaca, logam, wayar dan sebagainya boleh dijadikan bahan tambahan untuk menghasilkan dekorasi pada permukaan seramik. Melalui pernyataan ini, pengkaji ingin melakukan eksperimen yang menggunakan bahan alternatif untuk mendapatkan kesan jalinan yang lebih dramatik.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah bahan alternatif yang menghasilkan jalinan berbentuk ekspresif?
- 2) Apakah cara pengaplikasian bahan alternatif untuk menghasilkan kesan jalinan?
- 3) Bagaimanakah kajian ini dapat dibuktikan?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengenalpasti jenis bahan alternatif untuk menghasilkan jalinan pada permukaan seramik.
- 2) Menganalisis cara pengaplikasian bahan alternatif untuk menghasilkan kesan jalinan yang dramatik.
- 3) Mengaplikasikan kesan jalinan yang ekspresif pada karya seramik.

1.6 SKOP KAJIAN

- a) Kajian ini dilaksanakan berdasarkan bahan alternatif yang dipilih iaitu bahan mudah terbakar.
- b) Hasil kerja melalui beberapa siri eksperimentasi dilakukan dan dihasilkan dalam bentuk kepingan ujian untuk dianalisis cara pengaplikasian yang sesuai digunakan.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian adalah merupakan kajian ilmiah dan merupakan pelengkap dalam berkarya. Apabila kajian ilmiah dilakukan, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam tentang kajian yang dibuat. Antaranya, pengkaji ingin mengkaji tentang jenis-jenis bahan alternatif dalam membantu menghasilkan kesan jalinan. Dengan adanya kajian ilmiah pengkaji dapat melakukan kajian dalam skop yang ditetapkan dan boleh melakukan kajian yang lebih mendalam. Seterusnya, kajian ini juga adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih tentang subjek kajian.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk memudahkan para pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai eksperimentasi yang ingin dijalankan. Setelah melakukan kajian, pengkaji mendapati bahawa kaedah eksperimen terhadap kesan reaksi bahan sebagai dekorasi ini kurang popular di kalangan artis seramik. Sehubungan itu, pengkaji ingin mengenalpasti pelbagai bahan untuk mempelbagaikan jalinan yang dihasilkan dalam pengkaryaan seni seramik.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan pemerhatian dan pembacaan pengkaji dalam penghasilan karya seni seramik tanah air mahupun luar negara, artis seramik kurang menggunakan bahan alternatif seperti yang dikaji oleh pengkaji sebagai bahan yang menghasilkan kesan jalinan untuk dijadikan dekorasi pada permukaan seramik. Menurut Turner (2014), artis mempunyai banyak pilihan untuk menghasilkan dekorasi pada permukaan seramik bukan sekadar *glaze*, *underglaze*, *slip* dan unsur-unsur hiasan lain. Oleh yang demikian, pengkaji akan merujuk kepada karya dan artis yang menggunakan bahan alternatif dalam menghasilkan kesan jalinan pada permukaan seramik.

Kajian lepas merupakan satu kajian awal dalam membuat penyelidikan untuk mendapatkan sumber dan maklumat yang tepat melalui buku. Berdasarkan pembacaan pengkaji berkaitan dengan kajian yang dilakukan, pelbagai maklumat yang telah diperolehi oleh pengkaji. Harnetty (2015) "*Gillian Parke was interested in that white surface, but with a little more texture*". Pernyataan di atas merujuk kepada seorang artis yang menggunakan campuran bahan kasar dengan *smooth clay body* menghasilkan jalinan yang kasar pada permukaan seramik. Walaubagaimanapun, pengkaji menjalankan penyelidikan berkaitan eksplorasi gabungan bahan alternatif dengan tanah liat menghasilkan jalinan pada permukaan karya seramik.

Seterusnya, menurut Beavan (2011) beliau menggunakan bahan kasar dan bahan yang mudah terbakar untuk menghasilkan dekorasi pada permukaan seramik. Hal ini adalah sama dengan pengkaji yang ingin mengkaji tentang kesan jalinan daripada pembakaran bahan alternatif sebagai dekorasi pada permukaan seramik. Figura 1 adalah contoh karya

yang dihasilkan oleh Jenny Beavan (2011) yang menggunakan bahan seperti bahan mudah terbakar, pasir pantai, batu-batu kecil, licau dan kaca sebagai bahan yang memberikan kesan jalinan untuk dekorasi permukaan seramik.

Selain itu juga, menurut The Thames dan Deptford Creek di London, Fred Gatley ialah salah seorang artis yang menggunakan kaedah yang sama. Beliau mengumpul lumpur, batu-batu kecil dan serpihan yang keras serta bahan organik untuk menghasilkan karya. Beliau melakukan kajian berkaitan dengan kaedah untuk digunakan selain licau sebagai dekorasi seramik. Hal ini bertepatan dengan penyelidikan pengkaji tentang kesan jalinan yang terhasil sebagai dekorasi ke atas permukaan seramik walaupun pengkaji dan artis menghasilkan karya dan penggunaan medium yang berbeza.

Dalam kajian ini, pengkaji juga memilih buku bertajuk *Surface Design for Ceramics* sebagai rujukan berkaitan dengan eksperimen yang dijalankan. Pengkaji telah mendapat maklumat berkaitan dengan mengintergrasikan tekstur atau jalinan dalam karya seramik. Melalui buku rujukan ini juga, pengkaji secara langsung dapat mengenalpasti apakah bahan-bahan yang sesuai digunakan untuk menghasilkan jalinan pada permukaan seramik. "*These inclusions (or additives) create interesting effects on the finished piece*" Mills (2008). Melalui pernyataan ini, pengkaji mendapati bahawa penulis turut menekankan bahawa bahan tambahan atau bahan alternatif dapat menghasilkan jalinan yang menarik. Menurut penulis juga, bahan yang terbakar bersama dengan tanah liat akan menghasilkan regangan di dalam tanah liat. Bahan lain yang mencair masuk ke dalam tanah liat akan menghasilkan jalinan yang berbeza. Selain itu, penulis juga menjelaskan bahawa bahan tambahan yang mencair pada permukaan juga merupakan kesan dekorasi pada karya yang dihasilkan. Ini

menepati kajian yang dijalankan oleh pengkaji berkaitan dengan keberkesanan bahan alternatif dalam menghasilkan jalinan pada permukaan seramik.

2.1 Karya dan Artis Rujukan

2.1.1 Artis Rujukan : Idea dan Bahan

(a) Jenny Beavan

Artis ini sangat berminat dalam pergerakan berhubung dengan perubahan semula jadi seperti kerosakan dan kehancuran yang berlaku secara langsung daripada bahan yang digunakan. Beliau hanya menggunakan bahan-bahan asli bagi menjayakan setiap pembakaran yang dilakukan.

Jenny Beavan banyak mengitar semula bahan asli dan menghasilkan sesuatu yang baru. Dalam proses pengkaryaan, artis ini banyak mengaplikasikan bahan alternatif sebagai jalinan pada karya beliau. Karya-karya Jenny Beavan kebanyakannya memperlihatkan jalinan yang terhasil daripada pembakaran bahan alternatif pada permukaan seramik.



Fig.1: *Beach Erosion* (2011)
Artis : Jenny Beavan
Media : China clay, pasir pantai
(<https://www.google.com/search?q=Beach+Erosion+jenny+beavan&tbm=isch&tbo=u&source>)



Fig.2: *Beach Erosion* (2010)
Artis : Jenny Beavan
Media : China clay, glaze, kaca silika, batu kerikil
(<https://www.google.com/search?q=Beach+Erosion+jenny+beavan&tbm=isch&tbo=u&source#imgre=GwshLY9cvJ0I5M>:)



Fig.3: *Energized Water* (2013)
Artis : Jenny Beavan
Media : Porselin, pasir pantai, kaca, glaze
(<https://www.google.com/search?q=Energized+Water+jenny+beavan&source=lnms&tbm=isch&sa=X&ved>)

(b) Fiona Byrne-Sutton

Artis ini menghasilkan karya dengan menggunakan tanah liat yang asli tanpa proses pengasingan bahan-bahan asing seperti batu kecil dan pasir. Beliau juga menggunakan campuran tanah yang digali sendiri dan mempunyai pelbagai warna antaranya hitam dan jingga. Selain itu beliau menghasilkan karya melalui campuran tanah liat, *slip*, bahan-bahan kimia dan dawai tembaga untuk memberikan kesan warna yang berbeza pada visual permukaan seramik.




Fig.4: *Clackmannanshire Roadside* (2011)

Artis : Fiona Byrne-Sutton

Media : Black Earthstone, Clackmannanshire

clay slip, dawai kuprum, mangan, kuprum oksida

(<https://www.google.com/search?q=Clackmannanshire+Roadside+fiona+byrne-sutton&source=lnms&tbn=isch&sa=X&ved>)

c) Al Jaeger

Artis ini sangat tertarik kepada jalinan semulajadi yang terbentuk pada tanah liat. Beliau juga menganggap jalinan semula jadi tanah liat yang berlaku adalah satu faktor utama dalam pemilihan jenis media untuk digunakan sebagai bentuk dan permukaan yang dipilih. Artis ini juga menggunakan bahan tambahan iaitu pasir dan serbuk kopi untuk menghasilkan karyanya.



Fig 5: *Blip* (2006)

Artis : Al Jaeger

Media : Kerikil, pasir dan serbuk kopi

(https://www.google.com/search?q=blip+al-jaeger&source=lnms&tbn=isch&sa=X&ved=0ahUKewiHj4yp_ftTAhUEMY8KHZVL_BrsQ_AUICigB&biw=1366&bih=613)



Fig 6: *Untitled* (2005)

Artis : Al Jaeger

Media : Habuk kayu, pasir, serbuk kopi dan kerikil

(https://www.google.com/search?q=blip+aljaeger&source=lnms&tbn=isch&sa=X&ved=0ahUKewiHj4yp_ftTAhUEMY8KHZVL_BrsQ_AUICigB&biw=1366&bih=613)

2.1.2 Artis Rujukan : Cara Persembahan



Fig 7: *Deconstruction* (2010)
Artis : Matthew Chambers
Media : Ceramic stoneware, bekas media campuran
(<https://www.google.com/search?q=deconstruction+matthew+chamber&oq=deconstruction+matthew+chamber&aqs=chrome..69i57j69i61.6316j0j7&sourceid=chrome&ie=UTF-8#q=medium+deconstruction+matthew+chamber>)



Fig 8: *Connection, In Between Two Domains* (2016)
Artis : Awangko' Hamdan Pangeran Arshad
Media : Slip-cast porcelain, tanpa glaze, pembakaran bersuhu tinggi
(https://www.google.com/search?q=connection+in+between+two+domains+awangko%27+hamdan&source=Inms&tbn=isch&sa=X&ved=0ahUKEwiEp-vfrLnUAhXBMo8KHcPuCY8Q_AUICygC&biw=1366&bih=613)

2.2 Kesimpulan daripada Artis Rujukan

Pengkaji telah melakukan rujukan terhadap beberapa orang artis di atas untuk dijadikan satu garis panduan pengkaji untuk menghasilkan karya peribadi. Pengkaji merujuk dari segi teknik dan bahan mengaplikasikan bahan pada permukaan seramik. Dari segi teknik, pengkaji telah meneliti cara atau kaedah yang digunakan oleh artis untuk dipraktikkan dalam eksperimen yang dijalankan. Pelbagai kaedah yang digunakan oleh artis rujukan daalam menghasilkan kesan jalinan daripada bahan alternatif. Selain itu, pengkaji juga telah membuat rujukan terhadap bahan yang digunakan oleh artis untuk menghasilkan satu jalinan yang menarik. Daripada pemerhatian melalui rujukan karya artis, pengkaji menyedari terdapat pelbagai bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan jalinan pada permukaan seramik.

Seterusnya, pengkaji juga dapat memahami proses penghasilan karya setelah melakukan rujukan terhadap karya-karya artis. Pengkaji juga membuat rujukan mengenai cara persembahan karya yang akan dihasilkan. Melalui rujukan ini, pengkaji dapat menghasilkan perkembangan idea untuk persembahan karya peribadi. Pelbagai cara yang diketengahkan oleh artis rujukan telah memberi inspirasi kepada pengkaji untuk mempersembahkan karya.